



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (K&P)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**29 OKTOBER 2019 (SELASA)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**29 OKTOBER 2019 (SELASA)**



AGENSI Maritim Malaysia menahan suspek dan merampas barang kawalan bersubsidi disyaki cuba diseludup keluar di kawasan perairan Tanjung Saima di Tawau.

## Gagal seludup LPG, minyak masak

**Tawau:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menggagalkan cubaan menyeludup keluar barang kawalan bersubsidi menggunakan bot fiber di perairan Tanjung Saima, di sini, Sabtu lalu.

Timbalan Pengarah Operasi Zon Maritim Tawau, Komander Maritim Mohd Yusri Hussin berkata, sepasukan anggota APMM menjalankan rondaan memintas dan menahan bot fiber berkenaan pada jam 3.40 petang.

Beliau berkata, ketika ditahan bot berkenaan dipercayai dari perairan Ice Box ke Sungai Haji Kuning, Pulau Sebatik.

"Bot dinaiki juragan bersama pembantu lelaki, kedua-duanya rakyat tempatan berusia 21 dan 24 tahun.

"Hasil pemeriksaan kami me-

nemui tujuh tong gas petroleum cecair (LPG) dan 170 kilogram (kg) minyak masak pekot disyaki cuba diseludup keluar dari negara ini," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Mohd Yusri lagi berkata, juragan gagal mengemukakan dokumen atau permit kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Katanya, rampasan membabitkan bot fiber bersama satu unit enjin dan barangan rampasan berkenaan dianggarkan bernilai RM16,000.

Menurutnya, semua rampasan dibawa ke jeti Zon Maritim Tawau untuk tindakan lanjut dan kes di-

siasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.

Juragan gagal kemuka dokumen atau permit

CAP DAGANG

# Lindungi harta intelek



**K**

Memiliki cap dagang terkenal tetap akan berisiko merugikan jika tiada perlindungan gara-gara cuai melakukan pendaftaran cap dagangan

ehidupan seharian kita dikelilingi pelbagai jenama untuk bermacam-macam bentuk produk dan perkhidmatan yang digunakan.

Namakan apa saja seperti peralatan rumah, kelengkapan pakaian, kecantikan dan fesyen, kereta, motosikal malah sehingga makanan serta minuman kebiasaannya mempunyai jenama tersendiri untuk membezakan sesuatu entiti yang dihasilkan itu.

Selalu kita dengar atau melihat seseorang menyapa seseorang yang lain seperti 'wow! pakai baju XXXXX, fuh ada kelas kau!' atau 'apa tunggu lagi...tukarlah talian telekomunikasi XXXXX, dahlah bayar murah malah liputan meluas, Internet pun laju' atau 'terbaiklah dah boleh pakai kereta mewah XXXX, memang tak sangka sebab dulu kau pelajar paling corot.'

Itu antara contoh mudah perbualan seharian betapa kuatnya pengaruh sesuatu jenama yang juga antara komponen utama harta intelek (IP) di dalam cap dagangan atau *trademark* bagi jenama seluruh dunia.

Di Malaysia, pemodenan perundangan cap dagangan menerusi Akta Cap Dagangan 2019 (ACD 2019) yang diluluskan Parlimen pada Julai lalu memberikan peluang terbaik usahawan tempatan melebarkan sayap perniagaan ke pasaran global.

Apa tidaknya, akta berkenaan yang bakal diwartakan dan mulai dikuatkuasakan 27 Disember ini membolehkan Malaysia menyertai Protokol Madrid sekali gus memudahkan usahawan tempatan membuat pendaftaran jenama mereka di 122 negara termasuk Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK), Australia, Singapura, Thailand, Indonesia dan Brazil.

Ini sekali gus membolehkan perniagaan Malaysia memfailkan perlindungan hak milik jenama atau harta intelek mereka di negara yang menyertai protokol itu kerana Protokol Madrid adalah sistem pendaftaran antarabangsa ditadbir Biro Antarabangsa (IB) Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO).

Sekian lama protokol berkenaan diperakui peniaga antarabangsa dan sudah wujud sejak 1891.

Mudahnya, usahawan tempatan hanya perlu melakukan satu

permohonan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) untuk mendaftar jenama mereka di luar negara.

Kelebihan ACD 2019 berbanding Akta Cap Dagangan 1976 (ACD 1976) yang dimansuhkan adalah ia mengambil kira kewujudan triti antarabangsa berkaitan antaranya Protokol Madrid, Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan Perjanjian perdagangan bebas (FTA) selaras perkembangan lanskap perlindungan cap dagangan global.

Menerusi akta baharu dan segar ini juga, skop perlindungan cap dagangan tradisional seperti logo, jenama, tiket, label, nama, tandatangan, perkataan, huruf, nombor atau kombinasi elemen itu diperluaskan kepada bukan tradisional.

Bak kata Pengerusi MyIPO Dr Rozhan Othman yang ditemui dalam Majlis Dialog Bersama Media Mengenai Pemodenan Perundangan Cap Dagangan di

Malaysia: Faedah Untuk Rakyat dan Negara, baru-baru ini, bahawa hanya rasa saja tidak dimasukkan dalam cap dagangan bukan tradisional dalam ACD 2019.

Kini menerusi ACD 2019, elemen bunyi, urutan gerakan, hologram, bentuk atau bungkus produk, warna, bau dan kedudukan sudah boleh dijadikan cap dagangan.

Bagi sudut perundangan pula, hukuman maksimum RM1 juta denda, dipenjarakan lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan pemalsuan atau pemelancungan (*counterfeiting*) cap dagangan adalah antara kandungan peruntukan prosiding jenayah mengikut ACD 2019.

Hukuman keras dengan menetapkan jumlah denda dan penjara dengan kadar tinggi itu bagi memastikan kesalahan berkaitan cap dagangan tidak terus berlanjutan.

Selain pemelancungan cap dagangan, ACD 2019 juga

memperuntukkan beberapa kesalahan baharu seperti memakaikan dengan salah sesuatu cap dagangan pada barang atau perkhidmatan, membuat atau memiliki artikel untuk melakukan kesalahan dan mengimport atau menjual barang dengan cap dagangan yang dipakaikan salah.

Apa pun, objektif utama ACD 2019 mewujudkan sistem pendaftaran, perlindungan cap dagangan moden, komprehensif dan efektif yang dapat memenuhi keperluan komuniti perniagaan serta selaras dengan perkembangan harta intelek antarabangsa ini akan menjadi sia-sia jika mengambil sikap sambil lewa tidak mendaftar cap dagang.

Banyak masalah berkaitan pengkomersialan akan berbangkit sekiranya tidak mendaftar cap dagang, antaranya yang selalu berlaku adalah isu plagiat atau tiru dan cetak rompak.

Memiliki cap dagang terkenal sehebat mana pun atau tular hingga popular di media sosial namun tetap akan berisiko merugikan jika tiada perlindungan gara-gara cuai melakukan pendaftaran cap dagangan.

Dalam era media sosial yang mudah melakukan publisiti, ramai juga usahawan tersilap langkah mempromosikan jenama atau cap dagangan terlebih dahulu tanpa mendaftarkan cap dagangan produk atau perkhidmatan itu.

>>Penulis Wartawan  
Harian Metro